Tema Novel Meniti Impian

Latihan 2: Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan jawapan yang sesuai.

Tema novel Meniti Impian ialah keazaman dan kegigihan seorang remaja mengejar impian dan cita-cita untuk menjadi seorang usahawan berjaya. Contohnya, _____ gigih menuntut ilmu dalam bidang _____ di _____ kerana ingin mencapai cita-cita untuk menjadi usahawan perabot yang cemerlang. Kegigihan Zahar dapat dilihat berdasarkan usahanya membantu bapa saudaranya iaitu _____ dalam menyiapkan perabot yang ditempah oleh orang kampung setiap kali pulang bercuti ketika masih menuntut di IKM Sg. Petani. Walaupun Zahar tidak memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan _____ akibat _____, namun dia tidak berputus asa. Dia belajar dengan tekun di IKM walaupun dipandang rendah dan hina oleh _____. Penghinaan Suhaili terhadap lulusan IKM yang susah mendapat pekerjaan dijadikan sebagai penguat semangat bagi Zahar untuk berusaha dengan gigih untuk berjaya walaupun hanya belajar di IKM. Akhirnya, Zahar berjaya memperoleh keputusan yang _____ dan pulang ke kampung dengan membina bengkel perabotnya miliknya sendiri yang diberi nama _____.

LIVEWORKSHEETS

Persoalan Novel Meniti Impian

Latihan 3: Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan jawapan yang sesuai.

1. Persoalan usaha tekun yang membawa kejayaan

Contoh: _____ sangat tekun berusaha ketika menuntut ilmu di _____ dan menjalani latihan industri di _____ dengan cemerlang sehingga berjaya mempunyai bengkel perabotnya sendiri.

2. Persoalan minat dan kebolehan diri

Contoh: Disebabkan minat dalam bidang _____, Pak Yusuf membuka _____ secara kecil-kecilan walaupun dia tidak mempunyai sijil kemahiran dalam bidang tersebut.

3. Persoalan bersabar dengan penghinaan orang

Contoh: Zahar tetap bersabar dengan sikap _____ yang menghina mereka yang berkelulusan dari _____ yang kononnya akan merempat dan susah untuk mendapat pekerjaan.

LIVEWORKSHEETS

4. Persoalan semangat kesukanan

Contoh: Zahar tidak menganggap bahawa kemenangan pasukan bola sepak IKM _____ terhadap IKM _____ merupakan usahanya sendiri sebaliknya usaha semua ahli pasukannya yang telah membawa kejayaan.

5. Persoalan hidup bergotong-royong

Contoh: Penduduk kampung bekerjasama untuk mendirikan _____ Zahar tanpa mengira terik panas matahari.

6. Persoalan persahabatan yang ikhlas

Contoh: _____ ikhlas membantu _____ ketika Zahar menjalani latihan dalam perindustrian di _____ dengan menumpangkannya Zahar di rumahnya.

7. Persoalan konflik percintaan dalam kalangan remaja

Contoh: _____ berasa _____ dan sering memerli _____ apabila mengetahui bahawa Zahar telah menerima sepucuk _____ daripada _____.

LIVEWORKSHEETS